

12 OCT 2003

Zainuddin-Jasa

MEMPERINGATI JASA PM BUKAN SATU "PENDEWAAN", KATA ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Usaha untuk memperingati jasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama 22 tahun beliau berkhidmat sebagai Perdana Menteri adalah datang daripada rakyat sendiri dan bukan dipaksa oleh kerajaan, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin.

Katanya sumbangan dan kejayaan Dr Mahathir daripada awal sampai sekarang dapat dilihat dengan jelas bukan sahaja dalam negara bahkan di luar negara.

Beliau kesal dengan dakwaan pihak yang tidak bertanggungjawab yang menganggap usaha itu sebagai satu "pendewaan".

"Pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu tidak melihat daripada sudut positif," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Pengkisahan Kenegaraan Peringkat Kebangsaan di sini hari ini.

Zainuddin percaya rakyat Malaysia bijak membezakan pembohongan yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab itu.

Mengenai penulis tempatan yang jarang menulis perjuangan tokoh-tokoh seperti bekas Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman tetapi sebaliknya lebih banyak menulis mengenai tokoh-tokoh politik yang kalah, beliau berkata pejuang-pejuang politik yang kalah telah menulis ideologi mereka untuk membersihkan imej mereka yang tercalar dan secara tidak langsung mempengaruhi fakta sejarah dan politik di Malaysia.

Zainuddin juga mahu penulis-penulis di negara ini menulis mengenai tokoh sejarah yang banyak memperjuangkan kemerdekaan negara.

"Terdapat juga buku-buku sejarah yang ditulis dalam bahasa Inggeris tidak diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan ini sukar bagi sesiapa yang tidak berkebolehan dalam bahasa Inggeris," katanya.

Menyentuh pertandingan itu, beliau berharap para belia membina jati diri dengan tidak mempersia-siakan segala bentuk kemajuan dan kemerdekaan yang dikecapi sekarang.

Pertandingan itu antara lain bertujuan mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat melalui kebolehan peserta bercerita tentang sejarah, peristiwa, kepimpinan, ketokohan, kisah kejayaan negara, dasar dan pembangunan negara.

Seramai 15 peserta yang menjadi johan pertandingan itu di peringkat negeri mewakili negeri masing-masing termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan bertanding pada pertandingan itu bagi merebut hadiah RM3,000 dan piala iringan.

-- BERNAMA

NKB KHY BK